



GARIS PANDUAN PELANTIKAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan memberi panduan mengenai tatacara urusan pengambilan dan pelantikan staf akademik dan profesor yang dilaksanakan oleh Unit Perjawatan (Akademik), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- 1.2 Garis panduan ini diharap dapat memberikan kefahaman kepada semua anggota perkhidmatan awam mengenai dasar, peraturan dan tatacara pengurusan pengambilan dan pelantikan staf akademik Universiti Sultan Zainal Abidin.

2.0 DEFINISI ISTILAH

- 2.1 Istilah-istilah yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:
 - 2.1.1 **UniSZA** ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.
 - 2.1.2 **Pengambilan dan Pelantikan** ertinya proses kerja untuk melantik seseorang ke dalam perkhidmatan awam oleh Jawatankuasa Pemilih Universiti seperti yang disebutkan dalam Seksyen 26 Perlembagaan Universiti secara tetap, sementara atau kontrak, termasuklah pelantikan kali pertama dan pelantikan seseorang pegawai yang sedang berkhidmat di dalam mana-mana skim perkhidmatan.
 - 2.1.3 **Staf Akademik** ertinya Pensyarah Universiti (DS45/DS51/DS53), Pensyarah Perubatan (DU51P/DU51/DU53) dan Guru Bahasa (DG41/DG44/DG48/DG52/DG54).
 - 2.1.4 **Profesor** ertinya Profesor Gred Khas (VK7/ VK6/ VK5).
 - 2.1.5 **Pihak Berkuasa Melantik** ertinya pihak berkuasa melantik Universiti yang terdiri daripada Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti.
 - 2.1.6 **Lembaga Pengarah** ertinya Lembaga Pengarah Universiti seperti yang disebutkan dalam Seksyen 17 Perlembagaan Universiti yang mempunyai fungsi dan kuasa sebagaimana dijelaskan dalam Seksyen 20 Perlembagaan Universiti.
 - 2.1.7 **Jawatankuasa Pengurusan Universiti** ertinya Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang disebut dalam Seksyen 23 Perlembagaan Universiti.

- 2.1.8 **Jawatankuasa Pemilih** ertinya Jawatankuasa Pemilih Universiti seperti yang disebutkan dalam Seksyen 26 Perlembagaan Universiti.
- 2.1.9 **Naib Canselor** ertinya Ketua Pegawai Eksekutif bagi Universiti yang bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal hari ke hari Universiti. Naib Canselor hendaklah menjalankan pengawasan am ke atas semua peraturan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib di Universiti, dan boleh menjalankan apa-apa kuasa lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan Universiti dan mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.
- 2.1.10 **Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)** ertinya seorang staf yang dilantik bagi memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Universiti yang membantu dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal-hal akademik dan pengantarabangsaan.
- 2.1.11 **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan)** ertinya seorang staf yang dilantik bagi memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Universiti yang membantu dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal-hal penyelidikan dan pembangunan.
- 2.1.12 **Ketua Pusat Tanggungjawab** ertinya Ketua/Dekan yang mengetuai sesuatu Fakulti/Pusat Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor yang bertanggungjawab menguruskan Fakulti/Pusat Universiti.
- 2.1.13 **Pendaftar** ertinya Ketua Pegawai Operasi Universiti yang mengurus dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam perkara-perkara berkaitan pengurusan sumber manusia, akademik, dan pentadbiran umum di Universiti.
- 2.1.14 **Urus Setia** ertinya pegawai dan staf yang dilantik di bawah Unit Perjawatan (Akademik).
- 2.1.15 **Pemohon** ertinya seseorang yang membuat permohonan jawatan staf akademik atau profesor di UniSZA.
- 2.1.16 **Calon Berjaya** ertinya pemohon yang telah diperakukan untuk ditawarkan jawatan staf akademik atau profesor di UniSZA.
- 2.1.17 **Calon Tidak Berjaya** ertinya pemohon yang tidak diperakukan untuk ditawarkan jawatan staf akademik atau profesor di UniSZA.
- 2.1.18 **Senat** ertinya badan akademik yang tertinggi mengikut Seksyen 22 Perlembagaan Universiti dan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang di tetapkan oleh Perlembagaan, Statut dan Kaedah.

3.0 PEWUJUDAN JAWATAN

3.1 UniSZA mempunyai dua kaedah bagi pewujudan jawatan:

3.1.1 Kaedah pertama iaitu pewujudan jawatan staf akademik tetap adalah berdasarkan kelulusan waran perjawatan oleh Kementerian Kewangan atas perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kelulusan waran perjawatan adalah berdasarkan permohonan jawatan yang dikemukakan oleh UniSZA mengikut keperluan di Pusat Tanggungjawab (PTj).

3.1.2 Kaedah kedua adalah pewujudan jawatan berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik bagi jawatan staf akademik kontrak.

4.0 PIHAK BERKUASA MELANTIK

4.1 Pihak Berkuasa Melantik diberi kuasa seperti berikut:

Bil	Jawatan	Pihak Berkuasa Memperaku	Pihak Berkuasa Melulus
1)	Staf Akademik	Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan Staf Akademik	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
2)	Profesor	Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan Profesor	1) Jawatankuasa Pengurusan Universiti (Memperaku) 2) Lembaga Pengarah Universiti (Melulus)

4.2 Keahlian Jawatankuasa Pemilih adalah seperti berikut:

4.2.1 Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan **Staf Akademik** (Gred DG41/DS45/DS51/DU51P/DU51) bagi tujuan pelantikan hendaklah terdiri daripada:

- (a) Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), sebagai Pengerusi;
- (b) Dekan Fakulti atau Ketua Pusat Tanggungjawab yang baginya jawatan itu diuntukkan;
- (c) Pendaftar; dan
- (d) Pegawai Pejabat Pendaftar, sebagai Setiausaha.

4.2.2 Jawatankuasa Pemilihan untuk jawatan **Staf Akademik** (Gred DS53/ DU53) bagi tujuan pelantikan hendaklah terdiri daripada:

- (a) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan), sebagai Pengerusi;
- (b) Dekan Fakulti atau Ketua Pusat Tanggungjawab yang baginya jawatan itu diuntukkan;
- (c) Dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat;
- (d) Pendaftar; dan
- (e) Pegawai Pejabat Pendaftar, sebagai Setiausaha.

4.2.2 Jawatankuasa Pemilihan untuk jawatan **Profesor** (Gred VK7/ VK6/ VK5) bagi tujuan pelantikan hendaklah terdiri daripada:

- (a) Naib Canselor, sebagai Pengerusi;
- (b) Dua ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah;
- (c) Dekan Fakulti atau Ketua Pusat Tanggungjawab yang baginya jawatan itu diuntukkan;
- (d) Dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat;
- (f) Pendaftar; dan
- (g) Pegawai Pejabat Pendaftar, sebagai Setiausaha.

5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Pemohon

- Mengisi dan menghantar permohonan jawatan yang lengkap dengan dokumen sokongan berdasarkan iklan jawatan kosong.

5.2 Ketua Pusat Tanggungjawab

- Membuat permohonan jawatan baru untuk PTj masing-masing.
- Mempertimbang/ Menyaring permohonan jawatan staf akademik dan profesor.
- Menjadi salah seorang panel Jawatankuasa Pemilihan untuk jawatan staf akademik dan profesor.

5.3 Jawatankuasa Pemilihan

- Memperakukan calon untuk ditawarkan jawatan staf akademik dan profesor melalui sesi temuduga.

5.4 Jawatankuasa Pengurusan Universiti

- Meluluskan perakuan Jawatankuasa Pemilihan bagi calon yang ditawarkan jawatan staf akademik.

5.5 Lembaga Pengarah

- Meluluskan perakuan Jawatankuasa Pemilihan bagi calon yang ditawarkan jawatan profesor.

5.6 **Urus Setia**

- Mengurus permohonan jawatan staf akademik dan profesor dari Fakulti/ Pusat Tanggungjawab.
- Mengurus permohonan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) Perjawatan Tahunan.
- Mengiklan jawatan kosong staf akademik dan profesor.
- Memproses permohonan jawatan kosong staf akademik dan profesor.
- Mengatur urusan saringan dan temuduga.
- Menyediakan kertas cadangan untuk perakuan dan kelulusan pihak berkuasa melantik.
- Memproses urusan pelantikan calon berjaya.
- Mengeluarkan makluman kepada calon tidak berjaya.

6.0 **SYARAT LANTIKAN**

- 6.1 Syarat lantikan ke jawatan staf akademik dan profesor adalah berdasarkan skim perkhidmatan dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2014: Perubahan Penetapan Gaji Permulaan Berikutan Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Tahun 2013 dan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum di Bawah Sistem Saraan Malaysia.**
- 6.2 Syarat lantikan ke jawatan staf akademik dan profesor (kontrak) adalah berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008: Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*).**
- 6.3 Syarat lantikan ke jawatan Guru Bahasa adalah berdasarkan skim perkhidmatan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2013: Pindaan Skim Perkhidmatan Guru Bahasa.**
- 6.4 Syarat lantikan ke jawatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Perubatan Pelatih adalah berdasarkan skim perkhidmatan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2012: Pindaan Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian.**
- 6.5 **Syarat Lantikan Jawatan Tetap Pensyarah Universiti Mengikut Skim Perkhidmatan:**

a) Syarat Lantikan Pensyarah Universiti

6.5.1 Pensyarah - Gred DS45

Syarat Lantikan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**

- ii. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- iii. Memiliki Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 dan ke atas pada peringkat Ijazah Sarjana Muda; **dan**
- iv. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6.5.2 Pensyarah Kanan - Gred DS51 / Profesor Madya - Gred DS53

Syarat Lantikan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- ii. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- iii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; **dan**
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan; **dan**
- v. Memenuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh UniSZA.

6.5.3 Profesor - Gred Khas (VK7/ VK6/ VK5)

Syarat Lantikan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- ii. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**

- iii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; **dan**
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang tertentu; dan
- v. Memenuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh UniSZA.

b) Syarat Lantikan Pensyarah Perubatan

6.5.4 Pensyarah Perubatan Pelatih (DU51P)

Syarat Lantikan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **dan**
- ii. Memiliki Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 dan ke atas pada peringkat Ijazah Sarjana Muda; **dan**
- iii. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan; **dan**
- iv. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- v. Kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- vi. Berkemahiran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan baik.

6.5.5 Pensyarah Perubatan (DU51)

Syarat Lantikan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**

- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
- iii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **dan**
- iv. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; **dan**
- v. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- vi. Kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- vii. Berkemahiran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan baik.

6.5.6 Pensyarah Perubatan (DU53) (Profesor Madya)

Syarat Lantikan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
- iii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **dan**

- iv. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; **dan**
- v. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- vi. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat istimewa mutunya; **dan**
- vii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan; **dan**
- viii. Memenuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh UniSZA.

6.5.7 Pensyarah Perubatan Gred Khas (VK7/ VK6/ VK5) (Profesor)

Syarat Lantikan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
- iii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **dan**
- iv. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; **dan**
- v. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- vi. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat istimewa mutunya; **dan**
- vii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-

bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan; **dan**

- viii. Memenuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh UniSZA.

6.5.8 Guru Bahasa - Gred DG41

Syarat Lantikan-mengikut skim perkhidmatan:

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- ii. Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6.6 Syarat Lantikan Jawatan Kontrak Pensyarah Universiti/ Guru Bahasa

6.6.1 Profesor - Gred Khas (VK7/ VK6/ VK5), Profesor Madya - Gred DS53/ DU53, Pensyarah Kanan / Pensyarah Perubatan - Gred DS51 / DU51, Pensyarah - Gred DS45 / Guru Bahasa - Gred DG41

Syarat Lantikan:

- i. Had umur minimum ialah 18 tahun bagi warganegara dan 27 tahun bagi bukan warganegara.
- ii. Had umur maksimum ialah 65 tahun.

Kelayakan Untuk Lantikan:

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang ditawarkan kepada calon;
- ii. Syarat Kewarganegaraan dan kelulusan Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dikecualikan bagi calon bukan warganegara;
- iii. Disahkan sihat oleh pengamal perubatan berdaftar;
- iv. Lulus tapisan keselamatan;
- v. Memperolehi/ Lulus Pas Penggajian daripada Bahagian Pas Penggajian, Jabatan Imigresen Malaysia bagi calon bukan warganegara.

7.0 PROSEDUR PERMOHONAN JAWATAN BARU

- 7.1 Proses permohonan jawatan staf akademik dan profesor dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun berdasarkan arahan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan bilangan keperluan staf akademik dan profesor adalah selari dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran bagi setiap program di sesebuah Fakulti/ Pusat Tanggungjawab. Bilangan keperluan tambahan bagi setiap tahun boleh dianggarkan berdasarkan nisbah Pensyarah: Pelajar yang ditetapkan oleh pihak *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 7.2 Berdasarkan permohonan jawatan yang dipohon oleh Fakulti/ Pusat Tanggungjawab, Unit Perjawatan akan menyediakan Anggaran Belanjawan Mengurus Perjawatan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah kelulusan diperolehi, Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat kelulusan perjawatan untuk Universiti mula melaksanakan proses pengambilan dan pelantikan staf.

8.0 IKLAN DAN PERMOHONAN JAWATAN KOSONG

- 8.1 Iklan kekosongan jawatan staf akademik dan profesor akan dikeluarkan/ dikemaskini dengan menyatakan bidang-bidang yang diperlukan berdasarkan permohonan jawatan staf akademik dan profesor dari Fakulti/ Pusat Tanggungjawab. Iklan kekosongan jawatan staf akademik dan profesor dilaksanakan melalui beberapa medium seperti berikut:
- (a) Dalam ruangan iklan di dalam akhbar-akhbar utama tempatan.
 - (b) Di laman sesawang rasmi Universiti yang boleh dilayari di www.unisza.edu.my.
 - (c) Di Portal Staf UniSZA yang boleh dilayari di www.portal.unisza.edu.my.
- 8.2 Berdasarkan iklan kekosongan jawatan, pemohon hendaklah menghantar Borang Permohonan Jawatan Akademik yang boleh didapati di Laman Sesawang Pejabat Pendaftar.
- 8.3 Permohonan yang telah lengkap mestilah disertakan dengan gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) serta salinan dokumen-dokumen **yang telah disahkan** seperti berikut:
- (a) Kad Pengenalan atau Pasport.
 - (b) Sijil-sijil akademik yang berkenaan (SPM atau setaraf, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD).
 - (c) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.

8.4 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**Pendaftar
Pejabat Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 KUALA TERENGGANU
(u.p : Unit Perjawatan Akademik)
Tel : 09-668 8888
Fax : 09-668 7884**

8.5 Calon-calun agensi awam lain hendaklah mengemukakan surat permohonan melalui Ketua Jabatan dan disertakan dengan Kenyataan Perkhidmatan, Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terbaru dan salinan sijil-sijil kelayakan akademik serta sijil/dokumen sokongan lain yang telah disahkan benar.

8.6 Permohonan tidak akan diproses sekiranya tidak disertakan salinan dokumen-dokumen seperti di atas, salinan dokumen tidak disahkan, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan dan gambar tidak seperti yang ditetapkan (gambar *scan* tidak dibenarkan). Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

9.0 PEMILIHAN DAN PELANTIKAN

9.1 Permohonan jawatan staf akademik dan profesor yang diterima daripada pemohon akan dipertimbangkan melalui mesyuarat saringan di peringkat Fakulti/ Pusat Tanggungjawab. Fakulti/Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab untuk mengemukakan perakuan/ laporan calon yang layak/ tidak layak untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Saringan Universiti. Jawatankuasa Saringan Universiti seterusnya akan menilai dan memperakukan permohonan calon yang layak dan memenuhi syarat serta keperluan di Fakulti/ Pusat Tanggungjawab.

9.2 Seterusnya, urus setia akan mengatur sesi temuduga calon. Setelah mendapat perakuan Jawatankuasa Pemilih, urus setia akan menyediakan kertas cadangan untuk kelulusan Jawatankuasa Pengurusan/ Lembaga Pengarah. Urus setia akan mengeluarkan surat lantikan kepada calon yang berjaya dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa melantik.

9.3 Calon-calun berjaya diminta memberikan maklum balas dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Sekiranya calon gagal untuk memberi maklumbalas dalam tempoh tersebut, tawaran jawatan adalah terbatal. Calon dikehendaki melapor diri di BPSM dan membawa bersama dokumen-dokumen lengkap.

10.0 PENUTUP

Unit Perjawatan (Akademik), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berharap agar garis panduan ini dapat dijadikan panduan dalam urusan pengambilan dan pelantikan staf akademik dan profesor di UniSZA.